

SEJARAH PENERBITAN JURNAL SEJARAH DI MALAYSIA 1846-1966: SATU TINJAUAN AWAL

W. S. Tiew*

Penyelaras Pusat Sumber Sekolah,
SMK Hulu Kelang, Km 7, Jalan Ulu Kelang,
68000 Ampang, Selangor DE, Malaysia.

E-mel : wstiew@hotmail.com

* Sarjana Sains Perpustakaan dan Maklumat (1998) dan Sarjana Muda Sastera (Kepujian) Sejarah (1985), Universiti Malaya. Sekarang bertugas sebagai guru Sejarah di SMK Hulu Kelang, Ampang, Selangor DE.

PENGENALAN

Penerbitan jurnal sejarah merupakan satu langkah penting dalam usaha memartabatkan kecemerlangan dunia akademik terutamanya dalam bidang sejarah dengan menyebarkan maklumat dan pengetahuan tentang sejarah. Oleh itu, adalah penting untuk mewujudkan satu alat saluran untuk mengkomunikasikan segala maklumat berkenaan. Itulah peranan penting yang dapat dimainkan oleh jurnal sejarah. Walau bagaimanapun, sehingga dewasa ini, masih belum dapat diperolehi data-data lengkap tentang jurnal ilmiah di Malaysia.¹ Oleh yang demikian, adalah agak sukar untuk mengetahui status penerbitan jurnal, khasnya jurnal sejarah di Malaysia. Namun demikian, menerusi tinjauan literatur yang dibuat penulis, terdapat beberapa rencana terutamanya dalam bidang sains perpustakaan yang telah meninjau tentang status penerbitan jurnal ilmiah di Malaysia walaupun mereka tidak memberi tumpuan yang utama kepada jurnal sejarah.

Seawal tahun 1975, Edward Lim Huck Tee, Ketua Pustakawan Perpustakaan Universiti Sains Malaysia dalam rencananya yang bertajuk 'Problems of Publishing Scholarly Journals in Malaysia' telah menyatakan terdapatnya lapan jurnal sejarah di Malaysia.² Seterusnya, Md. Sidin Ahmad Ishak yang bekerja dengan Penerbit Universiti Malaya, dalam kertaskerja yang dibentangkan dalam Seminar Penerbitan Jurnal di Universiti Utara Malaysia telah menyatakan terdapatnya lima belas jurnal ilmiah dalam bidang sejarah.³ Dalam seminar yang sama, Hasrom Haron menerusi data yang diperolehi dalam Penerbit UKM telah memberitahu terdapatnya dua belas jurnal sejarah.⁴ Oleh yang demikian, adalah sukar sekali untuk memastikan tentang jumlah jurnal sejarah yang terdapat di Malaysia. Tetapi, yang jelas dan nyata ialah di Malaysia sudah wujud kegiatan

penerbitan jurnal sejarah dan bilangannya pula semakin meningkat iaitu dari lapan pada tahun 1975 kepada dua belas hingga lima belas pada tahun 1997. Namun demikian, perkembangan ini masih tidak begitu memberangsangkan dan boleh dimajukan lagi demi kecemerlangan dunia sejarah.

Kertas ini bertujuan untuk meninjau sejarah awal penerbitan jurnal sejarah di Malaysia (1847-1966). Yang dimaksudkan dengan jurnal sejarah ialah jurnal-jurnal yang mana isi kandungannya mengandungi rencana-rencana sejarah ataupun jurnal ilmiah yang mengandungi sekurang-kurang beberapa rencana sejarah dalam penerbitannya setiap kali pengeluaran. Jangkamasa kajian ini adalah antara 1847 hingga 1966, iaitu ketika British mentadbir Negeri-negeri Selat sehingga selepas kemerdekaan Malaysia. Antara perkara-perkara yang akan diberi tumpuan ialah sejarah ringkas penerbitan, institusi penerbitan, bahasa penerbitan, dan frekuensi penerbitan. Walau bagaimanapun, kajian ini tidak melibatkan jurnal-jurnal sejarah yang diterbitkan dalam tulisan Jawi, bahasa Cina atau bahasa-bahasa tempatan yang lain di Malaysia kerana hanya jurnal sejarah yang bahasa penerbitannya Bahasa Inggeris dan Bahasa Melayu akan diambil kira sahaja.

Untuk meninjau dan menyenaraikan jurnal-jurnal sejarah yang terawal, pencarian maklumat secara *telnetting* telah dilakukan menerusi perkhidmatan katalog dalam talian Perpustakaan Negara Malaysia (telnet 161.14.132.123) dan Perpustakaan Universiti Malaya (telnet 202.185.96.1). Selain daripada itu, tinjauan juga dilakukan melalui sumber-sumber bibliografi yang ada kaitan dengan perkembangan penerbitan jurnal Malaysia antaranya *Bibliography of Malaya* yang disusun oleh H. R. Cheeseman⁵, *Historical Periodicals : An Annotated World List of Historical and Related Serial*

Publications yang disunting oleh Boehm dan Adolphus⁶ serta *Guide to Current Malaysian Serials* oleh L. J. Harris⁷. Dalam pada itu, artikel-artikel dan buku-buku yang mengkaji tentang sejarah penerbitan dan pensejarahan Malaysia turut dirujuk. Seterusnya, penelitian terperinci juga dilakukan ke atas jurnal-jurnal tersebut untuk memperoleh maklumat-maklumat tentang sejarah penerbitan, institusi penerbitan, bahasa penerbitan, serta frekuensi penerbitan. Daripada peninjauan dan rujukan di atas senarai jurnal-jurnal sejarah yang terawal di Malaysia telah diperolehi bersama-sama dengan maklumat tentang sejarah penerbitan, institusi penerbitan, bahasa penerbitan, dan frekuensi penerbitan.

SEJARAH RINGKAS PENERBITAN JURNAL SEJARAH DI MALAYSIA 1846-1966

Jurnal sejarah yang paling awal diterbitkan di negara kita ialah *Journal of the Indian Archipelago and Eastern Asia* pada tahun 1847. Jurnal ini lebih dikenali sebagai *Logan's Journal* yakni nama penerbit dan pengarangnya, James Richardson Logan, seorang wartawan dan peguam di Negeri-negeri Selat. Secara ringkasnya, sebanyak tiga belas jilid jurnal ini telah diterbitkan antara tahun-tahun 1847-1863. Jilid I hingga Jilid IX dikeluarkan antara tahun-tahun 1847-1855 manakala Jilid I (siri baru) hingga Jilid 3 (siri baru) 1856-1859 dan Jilid IV (siri baru) 1863. Selepas tahun 1863, jurnal ini telah terkubur begitu sahaja. Penggerak utamanya, Logan telah meninggal dunia di Pulau Pinang pada tahun 1869. Sepanjang penerbitannya, purata jumlah edaran adalah di antara 200 hingga 300 naskhah setiap kali keluaran. Dalam pada itu, lebih kurang 50 naskhah telah dilanggan oleh Syarikat Hindia Timur Inggeris untuk kegunaan para pegawainya.

Logan's Journal merupakan salah satu jurnal ilmiah yang terawal di negara kita yang diterbitkan di Negeri-negeri Selat. Rencana-rencana yang dimuatkan dalam jurnal ini ditulis dalam Bahasa Inggeris dan biasanya membincangkan tentang sejarah, kesusasteraan dan etnologi geografi Tanah Melayu, Sabah dan Sarawak.⁸

Rajah 1
Tahun Permulaan Penerbitan

Bil	Tajuk Jurnal	Tahun Penerbitan
1	Journal of the Indian Archipelago and Eastern Asia	1847
2	Journal of Eastern Asia	1875
3	Journal of the Straits Branch of the Royal Asiatic Society (1878-1922) (bersambung sebagai Journal of the Malayan Branch of the Royal Asiatic Society (1923-1962) dan Journal of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society (1963 hingga sekarang)	1878
4	Perak Museum Notes (1893-1898) (bersambung sebagai Journal of the Federated Malay States Museums (1905-1941), Federation Museums Journal New Series (1953-1991) dan Malaysia Museums Journal (1997 hingga sekarang)	1893
5	Sarawak Musuem Journal	1911
6	Malayan Historical Journal, the Journal of the Malayan Historical Society 1954-1956 (bersambung sebagai Malaya in History (1957-1962) dan Malaysia in History (1963-1985)	1954
7	Journal of the Historical Society, University of Malaya (1960-1969/1970) (bertukar nama kepada Jernal Sejarah (1970-1978)	1960
8	Tanah Melayu dari segi Sejarah (1962-1964)(bersambung sebagai Malaysia dari segi Sejarah 1967 hingga sekarang)	1962
9	Kedah dari segi Sejarah=Kedah in History (bertukar nama kepada Cetera (1995 hingga sekarang)	Jun 1966
10	Peninjau Sejarah : Journal of the History Teachers' Association of Malaya	Julai 1966

Seterusnya, jurnal sejarah yang kedua terawal penerbitannya ialah *Journal of Eastern Asia* yang diterbitkan oleh James Collins pada bulan Julai, 1875. Collins merupakan seorang pegawai British yang berkhidmat di Negeri-negeri Selat dan memegang jawatan Setiausaha dan Pustakawan di Muzium dan Perpustakaan Raffles, Singapura. Collins telah mengikut jejak Logan dalam menerbitkan sebuah jurnal

persendirian (suku tahunan) dengan menanggung semua kos pengeluarannya. Tambahan pula, beliau memperolehi sokongan moral dan bantuan khas daripada Gabenor Negeri-negeri Selat, Sir Andrew Clarke dalam usaha menerbitkan jurnalnya. Namun demikian, ianya tidak dapat kekal lama kerana keluaran seterusnya yang dijangkakan diterbitkan pada bulan Oktober, 1875 tidak menjadi kenyataan akibat masalah kewangan dan kekurangan rencana. Selain daripada sejarah, jurnal ini juga memuatkan rencana tentang botani, zoologi, geologi, mineralogi, dan meteorologi. Semua rencana yang dimuatkan dalam edisi sulungnya adalah dalam Bahasa Inggeris.⁹

Ketiga ialah *Journal of the Straits Branch of the Royal Asiatic Society* yang mula-mula diterbitkan pada tahun 1878 oleh Straits Branch of the Royal Asiatic Society (Persatuan Asia Diraja Bahagian Selat) yang berpusat di Singapura. Pada mulanya, jurnal ini mengandungi pelbagai rencana mengenai sejarah semulajadi, falsafah, geografi, geologi, kesusasteraan, filologi, sejarah dan etnologi. Kemudiannya, pada 1920an, jurnal tersebut mulai memuatkan lebih rencana bersifat sejarah terutamanya apabila jurnal bertukar nama kepada *Journal of the Malayan Branch of the Royal Asiatic Society* (1923-1963) pada tahun 1923.¹⁰ Antara tahun-tahun 1941-1946, penerbitan jurnal telah tergendala akibat pendudukan tentera Jepun di Tanah Melayu. Seterusnya, apabila Semenanjung Tanah Melayu, Singapura, Sabah dan Sarawak digabungkan menjadi Malaysia pada tahun 1963, sekali lagi jurnal ini bertukar nama menjadi *Journal of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society* (1964 hingga sekarang). Dari tahun pertama penerbitannya hingga sekarang, jurnal ini telah disunting oleh seorang pengarang yang dilantik khas oleh Persatuan untuk mengendalikan pengurusan jurnalnya. Kemudiannya, akibat beban kerja penerbitan yang terlalu rumit dan bertambah, sebuah

sidang editorial diwujudkan untuk membantu pengarang. Pengarang pertama jurnal ini ialah Dr. N. B. Dennys (1878), Setiausaha, Persatuan Asia Diraja Bahagian Selat. Seterusnya, antara tokoh-tokoh yang pernah menjawat tugas pengarang ialah A.M. Skinner (1879), W. E. Maxell (1883-1887), H. N. Ridley (1890-1893, 1898-1900, 1902-1907, 1909-1911), C. A. Gibson-Hill (1948-1961), Alastair Lamb (1963-1964), Wang Gungwu (1964-1968), S. Arasaratnam (1969-1970), Mubin Sheppard (1971-1994), dan Khoo Kay Kim (1995-1998). Mulai Jilid 71 (2) Disember 1998, tugas pengarang telah diambil alih Dr. Cheah Boon Kheng, Naib Presiden Persatuan Asia Diraja Bahagian Malaysia. Isu terbaru jurnal ini ialah Jilid 73 (2) Disember 2000. Semua rencana yang disumbangkan kepada jurnal ini adalah dalam Bahasa Inggeris.¹¹

Jurnal seterusnya ialah *Perak Museum Notes* (1893-1898) yang diterbitkan oleh Muzium Taiping, Perak. Kemungkinan besar orang yang ditugaskan mengelolakan penerbitan *Perak Museum Notes* ialah Leonard Wray, Kurator Muzium Perak sendiri. Antara tahun-tahun 1899-1904 tidak ada keluaran terbaru daripada jurnal ini. Pada tahun 1905, jurnal ini bertukar nama kepada *Journal of the Federated Malay States Museum* sempena penggabungan Muzium Perak dan Muzium Selangor. Pada masa yang sama, jurnal ini memulakan nombor siri yang baru.¹² Kemudiannya, jurnal ini telah bertukar imej dan nama lagi kepada *Federation Museums Journal* apabila Muzium Negara mengambil alih penerbitannya iaitu Jilid 1 & II Siri Baru 1954/1955 yang telah diberikan nombor siri yang baru juga. Sebelum itu, seperti *Journal of the Malayan Branch of the Royal Asiatic Society*, penerbitannya turut tergendala selama dua belas tahun iaitu antara tahun-tahun 1941-1953 kerana Perang Dunia Kedua dan masalah-masalah tertentu.¹³ Pengarang jilid sulung selepas perang ialah G. De G. Sieveking, Kurator Muzium,

Persekutuan Tanah Melayu. Kemudiannya, Mubin Sheppard telah mengambil alih tugas pengarang mulai Jilid IV Siri baru 1960. Dalam pada itu, akibat kesibukan kerja dan bebanan tugas, mulai Jilid VI 1961, Sheppard telah dibantu H. A. Lamb dan Lord Medway dalam kerja-kerja penerbitan jurnal. Kemudiannya, Shahrum bin Yub, Timbalan Pengarah Muzium dengan bantuan Lord Medway telah diberi tanggungjawab menerbitkan jurnal tersebut sehingga tahun 1969. Mulai Jilid XV Siri Baru 1970, Shahrum bin Yub yang kemudiannya menjadi Pengarah Muzium Negara telah mengambil alih tugas pengarang sepenuhnya sehingga tahun 1985. Antara tahun-tahun 1986-1990, jurnal ini tidak diterbitkan sehingga tahun 1991 iaitu Jilid 31 Siri Baru yang mana pengarangnya ialah Haji Mohd Zulkifli bin Haji Abdul Aziz, Ketua Pengarah Jabatan Muzium dan Antiquiti dengan dibantu oleh sebuah sidang pengarang yang terdiri daripada pegawai-pegawai Jabatan Muzium dan Antiquiti. Selepas tahun 1991, jurnal ini mengambil nama baru iaitu *Malaysia Museums Journal* dengan terbitnya Jilid 34 Siri Baru, 1998 yang mana Zuraina Majid menjadi pengarangnya. Isu jurnal yang akan datang ialah Jilid 35 Siri Baru. Pada keseluruhannya, jurnal ini mengandungi rencana mengenai etnologi, antropologi dan arkeologi. Namun demikian, ada juga terselit dalam setiap keluaran rencana-rencana mengenai sejarah. Pada mulanya artikel-artikel dalam jurnal ini ditulis dalam Bahasa Inggeris tetapi menjelang penubuhan Malaysia pada tahun 1963, ia mula mengandungi rencana dalam Bahasa Melayu.¹⁴

Jurnal kelima ialah *Sarawak Museum Journal* yang diterbitkan pada tahun 1911 oleh Muzium Sarawak. Pengarang pertama jurnal ini merupakan Major J. C. Moulton, Kurator Muzium Sarawak sendiri. Menjelang tahun 1937, Muzium Sarawak telah berjaya menerbitkan 15 jilid jurnalnya. Seperti jurnal-jurnal sejarah yang lain, penerbitannya

turut berhenti apabila tentera Jepun menduduki Sarawak. Jurnal ini telah menyambung semula penerbitannya dengan siri baru hanya pada Mei 1949, Jilid 5, no. 1 (Siri baru), no. 16 (Siri lama). Dalam pada itu, antara pengarang-pengarang yang telah mengambil-alih tugas penyuntingan jurnal tersebut ialah Tom Harrison (1949-1965), Tom Harrison dan Benedict Sandin (1966-1967), Benendict Sandin (1968-1971), Lucas Chin (1972-1991), Peter M. Kedit (1992-1996) dan Sanib Said (1997 hingga sekarang). Secara tradisinya, jawatan Pengarang jurnal biasanya dipegang oleh Kurator Muzium Sarawak. Sejak Jilid 24 (Siri Lama) 45 (Siri Baru) 1976, pengarang dibantu dalam kerja-kerja penerbitan oleh sebuah sidang pengarang. Dalam pada itu, pada tahun 1992, setelah mengambil alih tugas pengarang jurnal, Peter M. Kedit telah memberi wajah baru kepada jurnal dengan memperkenalkan kulit depan jurnal yang berwarna untuk menceriakan lagi imej jurnal. Secara amnya, jurnal ini memuatkan rencana-rencana tentang sejarah, sejarah semulajadi, arkeologi, etnologi dan lain-lain lagi mengenai Sarawak dan kawasan-kawasan sekitarnya.¹⁵ Jilid terkini jurnal ini ialah Jilid 68 (Siri Lama) 50 (Siri Baru).

Selepas Perang Dunia Kedua, jurnal sejarah seterusnya ialah *Malayan Historical Journal, the Journal of the Malayan Historical Society* yang diterbitkan oleh Malayan Historical Society (Persatuan Sejarah Malaya) pada tahun 1954. Pengarang pertama jurnal ini ialah J. C. Bottoms, Setiausaha Sulit Pesuruhjaya Tinggi British yang mengelolakan penerbitan jurnal sehingga Jilid 3, no. 1, Julai 1956. Setahun kemudian, pada Julai 1957, Haji Mubin Sheppard telah mengambil alih jawatan Pengarang dan terus menyelenggarakan penerbitan jurnal yang telah diberi nama baru *Malaya in History* (1957-1962). Ketika menjadi pengarang jurnal, beliau telah memberi wajah baru yakni kulit depan yang berwarna tetapi nombor sirinya telah dikekalkan. Pada tahun 1963

dengan penubuhan Malaysia, *Malaya in History* menjadi *Malaysia in History* (1963-1985). Haji Mubin Sheppard telah bertugas sebagai pengarang selama 13 tahun hingga pengeluaran Jilid 14, no. 2, April 1972. Kemudian tanggungjawab untuk menerbitkan jurnal telah diambilalih oleh Professor Zainal Abidin bin A. Wahid yang telah berjaya mengeluarkan jurnal *Malaysia dari segi Sejarah* setiap tahun untuk memuatkan rencana-rencana sejarah dalam Bahasa Melayu memandangkan sebelum ini *Malaysia in History* lebih banyak memuatkan rencana-rencana sejarah yang ditulis dalam Bahasa Inggeris. Sebenarnya, seawal Februari 1961, memandangkan kurangnya terdapat jurnal-jurnal sejarah dalam Bahasa Melayu, Dewan Bahasa dan Pustaka telah bekerjasama dengan Persatuan Sejarah Malaya untuk menterjemahkan beberapa rencana sejarah terpilih untuk dimuatkan dalam sebuah jurnal sejarah. Dengan itu, lahirlah *Tanah Melayu dari segi Sejarah*, yang pertama kali diterbitkan pada bulan Februari 1961 oleh Dewan Bahasa dan Pustaka untuk Persatuan Sejarah Malaya. Jurnal ini kemudiannya bertukar nama kepada *Malaysia dari segi Sejarah*. Dengan itu sebenarnya, *Malaysia dari segi Sejarah* adalah sambungan *Tanah Melayu dari segi Sejarah*. Yang membezakan kedua-duanya ialah *Malaysia dari segi Sejarah* diterbitkan sendiri oleh Persatuan Sejarah Malaya yang kemudiannya telah bertukar nama kepada Persatuan Sejarah Malaysia. Pada 28hb Julai 1978, Prof. Zainal Abidin bin A. Wahid telah menyerahkan jawatan pengarang kepada Prof. Khoo Kay Kim. Pada tahun 1985, selepas Jilid 28, 1985 penerbitan *Malaysia in History* terpaksa diberhentikan kepada kekurangan sumbangan rencana Bahasa Inggeris. Oleh itu, hanya *Malaysia dari segi Sejarah* yang dikeluarkan dan keluaran tersebut tidak lagi setebal keluaran-keluaran pada masa dahulu.¹⁶ Pada ketika itulah kemungkinan besar telah berlaku penyatuan jurnal sejarah yang pertama di negara kita kerana kedua-dua

jurnal penerbitan Persatuan Sejarah Malaysia, iaitu *Malaysia in History* dan *Malaysia dari segi Sejarah* telah digabungkan menjadi satu kerana kekurangan dana penerbitan dan lain-lain masalah. Selepas Prof. Khoo Kay Kim mengundurkan diri sebagai pengarang, jawatan Pengarang telah diambil alih oleh Prof. Dr. Nik Hassan Shuhaimi bin Nik Abdul Rahman. Kini, kedua-kedua jurnal ini telah digabungkan ke dalam satu penerbitan sahaja bertajuk *Malaysia dari segi Sejarah* sejak tahun 1986.¹⁷ Jilid terkini *Malaysia dari segi Sejarah* ialah Bil. 28, 2000 yang mana pengarang barunya ialah Prof. Abdullah Zakaria Ghazali.

Jurnal sejarah seterusnya ialah *Journal of the Historical Society, University of Malaya*, pertama diterbitkan pada tahun 1960. Jurnal ini diterbitkan oleh Persatuan Sejarah Universiti Malaya untuk membolehkan para pelajar mengikuti perkembangan penulisan sejarah yang dikarang para akademik dan rakan mereka. Jurnal ini kemudiannya bertukar nama kepada *Jurnal Sejarah* mulai Jilid IX 1970/1971. Perubahan nama ini selaras dengan perkembangan terbaru dalam dasar pelajaran yang menggunakan Bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar di universiti-universiti tempatan.¹⁸ Dari Jilid 1, 1960 hingga Jilid V 1966/1967, semua rencana yang dimuatkan dalam jurnal adalah dalam Bahasa Inggeris tetapi mulai Jilid VI 1967/1968 sudah terdapat artikel sejarah yang ditulis dalam Bahasa Melayu. Pengarang-pengarang jurnal ini semuanya merupakan pelajar-pelajar jurusan Sejarah di Jabatan Sejarah, Universiti Malaya. Antaranya ialah R. Bonney (Jilid 1, bil. 1, 1960), Oh Hong Choon (Jilid 1, bil. 2, 1961), Gilbert Khoo (Jilid 1, bil. 3, 1962/1963 – Jilid II 1963/1964), Oli Mohamed (Jilid III 1964/1965), Mat Rasip Manap (Jilid IV 1965/1966), Karthar Singh (Jilid V 1966/1967), Xavier Nathan (Jilid VI 1967/1968), Anto Austin D’Cruz (Jilid VII 1968/1969), Soosay Nathan K. (Jilid VIII

1969/1970), G. Palanivel (Jilid IX 1970/1971), Thomas Mathews (Jilid X 1971/1972), Kassim Abbas (Jilid XI 1972/1973), Abdul Manaf Saad (Jilid XII 1973/1974), Ahmad Zahid Hamidi (Jilid XIII 1974/1975/1976), Sahabudin Mahmud (Jilid XIV 1976/1977), dan Ismail Wadin (Jilid XV 1977/1978).¹⁹ Pada mulanya, kebanyakan artikel sejarah jurnal adalah sumbangan para pensyarah dan tutor Jabatan Sejarah, Universiti Malaya tetapi sejak tahun 1971, sumbangan daripada mahasiswa-mahasiswi semakin bertambah.²⁰ Pada keseluruhannya, rencana-rencana sejarah yang diterbitkan dalam jurnal ini adalah dalam bidang pengajian sejarah Malaysia.

Selepas itu, wujudlah jurnal sejarah, *Kedah dari segi Sejarah=Kedah in History*, terbitan Persatuan Sejarah Malaysia, Cawangan Kedah. Jurnal ini telah mula dikeluarkan pada Jun 1966. Pengarangnya yang pertama ialah James F. Augustin yang terus menerbitkan jurnal tersebut sehingga Jilid 3, no. 1 Jun 1968. Ismail Haji Saleh telah menjadi pengarang jurnal mulai Bil. 7, No. 1, Julai 1976. Pada mulanya, rencana yang dituliskan adalah dalam Bahasa Inggeris tetapi kemudiannya sejajar dengan perkembangan pelajaran negara, ianya telah memuatkan rencana-rencana sejarah dalam Bahasa Melayu juga. Seterusnya, mulai Jilid 12, Bil. 1, 1995, jurnal ini bertukar nama kepada *Cetera* serta berwajah baru manakala pengarangnya ialah H. Md. Noor Salleh. Pengarang jurnal menguruskan penerbitan jurnal dengan dibantu oleh staf penyelenggara jurnal yang berkemungkinan besar sama ada merupakan kakitangan Muzium Negeri Kedah ataupun ahli-ahli Persatuan Sejarah Malaysia, Cawangan Kedah.

Jurnal sejarah yang kesepuluh ialah *Peninjau Sejarah : Journal of the History Teachers' Association of Malaya* yang pertama kali diterbitkan pada Julai 1966. Jurnal ini diterbitkan atas kerjasama Persatuan Guru-guru Sejarah Tanah Melayu dan Jabatan

Sejarah, Universiti Malaya. Tujuan utama penerbitannya ialah untuk membolehkan peminat-peminat sejarah tanahair untuk memberi pendapat dan membincangkan soal-soal yang ada kaitan dengan bidang sejarah. Dari penerbitan sulung hingga keluaran terakhirnya, pengarangnya ialah Zainal Abidin b. A. Wahid yang bertugas di Jabatan Sejarah, Universiti Malaya. Namun demikian, pada keseluruhannya sambutan terhadap jurnal berkenaan tidaklah begitu memuaskan kerana jawatan Pengurus Jualan tidak dapat diisikan dengan calon yang sesuai. Ini ditambah dengan masalah jumlah ahli persatuan yang semakin berkurangan tahun demi tahun dan akhirnya jurnal ini terpaksa menghentikan penerbitannya selepas tahun 1968, Jilid 3, no. 2, September 1968.²¹ Pada hakikatnya, walaupun jurnal ini dikatakan bersifat dwibahasa tetapi semua rencana yang disumbangkan adalah dalam Bahasa Inggeris.

PENERBIT JURNAL

Institusi penerbitan yang paling aktif menghasilkan jurnal sejarah di Malaysia ialah persatuan-persatuan yang ada hubungan langsung dengan dunia sejarah, antaranya ialah Persatuan Sejarah Malaya, Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Kedah, Persatuan Asia Diraja Bahagian Selat, Persatuan Sejarah Universiti Malaya dan Persatuan Guru-guru Sejarah Tanah Melayu. Namun demikian, jurnal bersifat sejarah yang mula-mula diterbitkan di negara kita adalah kesan usaha gigih dua tokoh individu iaitu James R. Logan dan James Collins yang telah menerbitkan jurnal masing-masing pada tahun 1847 dan 1875. Dalam pada itu, dua institusi kerajaan iaitu Muzium Perak, Taiping dan Muzium Sarawak turut menyumbang dalam menerbitkan jurnal masing-masing. Walau bagaimanapun, kejayaan pihak-pihak di atas dalam menjayakan penerbitan mereka

merupakan satu sumbangan besar kepada bidang sejarah di Malaysia. Usaha-usaha sedemikian haruslah diteruskan dan diberi sokongan padu oleh semua pihak agar jurnal-jurnal tersebut tidak terkubur begitu sahaja.

Rajah 2
Penerbit Jurnal

Bil	Tajuk Jurnal	Penerbit
1	Journal of the Indian Archipelago and Eastern Asia	James R. Logan
2	Journal of Eastern Asia	James Collins
3	Journal of the Straits Branch of the Royal Asiatic Society (1878-1922) (bersambung sebagai Journal of the Malayan Branch of the Royal Asiatic Society (1923-1962) dan Journal of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society (1963 hingga sekarang)	Persatuan Asia Diraja Bahagian Selat
4	Perak Museum Notes (1893-1898) (bersambung sebagai Journal of the Federated Malay States Museums (1905-1941), Federation Museums Journal New Series (1953-1991) dan Malaysia Museums Journal (1997 hingga sekarang)	Muzium Perak, Taiping
5	Sarawak Musuem Journal	Muzium Sarawak
6	Malayan Historical Journal, the Journal of the Malayan Historical Society 1954-1956 (bersambung sebagai Malaya in History (1957-1962) dan Malaysia in History (1963-1985)	Persatuan Sejarah Malaya
7	Journal of the Historical Society, University of Malaya (1960-1969/1970) (bertukar nama kepada Jernal Sejarah (1970-1978)	Persatuan Sejarah Universiti Malaya
8	Tanah Melayu dari segi Sejarah (1962-1964)(bersambung sebagai Malaysia dari segi Sejarah 1967 hingga sekarang)	Persatuan Sejarah Malaya
9	Kedah dari segi Sejarah=Kedah in History (bertukar nama kepada Cetera (1995 hingga sekarang)	Persatuan Sejarah Malaysia, Cawangan Kedah
10	Peninjau Sejarah : Journal of the History Teachers' Association of Malaya	Persatuan Guru- guru Sejarah Tanah Melayu

PENGGUNAAN BAHASA

Kebanyakan jurnal sejarah di Malaysia yang diterbitkan sebelum kemerdekaan menggunakan Bahasa Inggeris sebagai bahasa penerbitan utama. Kajian ini mendapati empat jurnal diterbitkan dalam Bahasa Inggeris, manakala enam yang lain bersifat dwibahasa (Bahasa Inggeris dan Bahasa Melayu). Walaupun Bahasa Inggeris nampaknya

lebih kerap digunakan sebagai bahasa penerbitan tetapi penggunaan Bahasa Melayu sebagai bahasa penerbitan semakin meluas terutamanya selepas tahun 1983. Ini kerana selepas tahun 1983, Bahasa Melayu telah menjadi bahasa pengantar dalam sistem pendidikan negara. Kedudukan Bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar matapelajaran Sejarah di semua peringkat pengajian pada tahun 1983 kemungkinan besar telah membawa kepada pengurangan hasil sumbangan rencana-rencana sejarah dalam Bahasa Inggeris. Namun demikian kepentingan Bahasa Inggeris sebagai bahasa ilmu tidak dapat dinafikan kerana masih ada jurnal sejarah tempatan yang menggunakan Bahasa Inggeris sebagai bahasa penerbitan.

Rajah 3
Penggunaan Bahasa

Bil	Tajuk Jurnal	Penggunaan Bahasa
1	Journal of the Indian Archipelago and Eastern Asia	Bahasa Inggeris
2	Journal of Eastern Asia	Bahasa Inggeris
3	Journal of the Straits Branch of the Royal Asiatic Society (1878-1922) (bersambung sebagai Journal of the Malayan Branch of the Royal Asiatic Society (1923-1962) dan Journal of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society (1963 hingga sekarang)	Bahasa Inggeris
4	Perak Museum Notes (1893-1898) (bersambung sebagai Journal of the Federated Malay States Museums (1905-1941), Federation Museums Journal New Series (1953-1991) dan Malaysia Museums Journal (1997 hingga sekarang)	Bahasa Inggeris & Bahasa Melayu
5	Sarawak Musuem Journal	Bahasa Inggeris
6	Malayan Historical Journal, the Journal of the Malayan Historical Society 1954-1956 (bersambung sebagai Malaya in History (1957-1962) dan Malaysia in History (1963-1985)	Bahasa Inggeris & Bahasa Melayu
7	Journal of the Historical Society, University of Malaya (1960-1969/1970) (bertukar nama kepada Jernal Sejarah (1970-1978)	Bahasa Inggeris & Bahasa Melayu
8	Tanah Melayu dari segi Sejarah (1962-1964)(bersambung sebagai Malaysia dari segi Sejarah 1967 hingga sekarang)	Bahasa Melayu & Bahasa Inggeris
9	Kedah dari segi Sejarah=Kedah in History (bertukar nama kepada Cetera (1995 hingga sekarang)	Bahasa Inggeris & Bahasa Melayu
10	Peninjau Sejarah : Journal of the History Teachers' Association of Malaya	Bahasa Inggeris & Bahasa Melayu

FREKUENSI PENERBITAN

Dalam menentukan frekuensi penerbitan jurnal, riwayat sejarah penerbitan semua jurnal berkenaan diambilkira. Ini dilakukan memandangkan kekerapan dan ketepatan pengeluaran semuanya tidak tekal. Ada yang bermula sebagai penerbitan bulanan kemudiannya menjadi dwitahunan atau tahunan. Begitu juga dengan penerbitan yang bermula dengan suku tahunan atau dwitahunan kemudiannya menjadi tahunan. Oleh yang demikian, jurnal-jurnal yang berubah frekuensi penerbitannya akan dianggap mempunyai frekuensi penerbitan tidak tetap. Secara keseluruhannya, lima jurnal sejarah mempunyai frekuensi penerbitan tidak tetap iaitu *Journal of the Indian Archipelago and Eastern Asia*, *Journal of the Straits Branch of the Royal Asiatic Society* (1878-1922)/*Journal of the Malayan Branch of the Royal Asiatic Society* (1923-1962)/*Journal of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society* (1963 hingga sekarang)²², *Perak Museum Notes* (1893-1898)/*Journal of the Federated Malay States Museums* (1905-1941)/*Federation Museums Journal New Series* (1953-1991)/*Malaysia Museums Journal* (1997 hingga sekarang), *Tanah Melayu dari segi Sejarah* (1962-1964)/*Malaysia dari segi Sejarah* (1967 hingga sekarang) dan *Kedah dari segi Sejarah=Kedah in History* (1966-?) /*Cetera* (1995 hingga sekarang). Yang lain dua mengeluarkan penerbitan sekali setahun (*Sarawak Musuem Journal* dan *Journal of the Historical Society, University of Malaya* (1960-1969/1970)/*Jernal Sejarah* (1970-1978), dua jurnal dua kali setahun (*Malayan Historical Journal*, *the Journal of the Malayan Historical Society* 1954-1956/ *Malaya in History* (1957-1962)/ *Malaysia in History* (1963-1985) dan satu jurnal empat kali setahun (*Journal of Eastern Asia*). Dalam pada itu, kajian ini juga mendapati

daripada sepuluh jurnal di atas, lima jurnal telah menamatkan penerbitan mereka manakala yang lain masih aktif meneruskan perjuangan mereka dalam dunia penerbitan yang semakin mencabangkan. Dengan itu, jelaslah bahawa frekuensi penerbitan jurnal-jurnal sejarah Malaysia adalah tidaklah tetap sepanjang usia penerbitan mereka kerana menghadapi pelbagai masalah antaranya masalah kewangan, tidak cukup bahan, kekurangan tenaga editorial, penajaan dan lain-lain.

Rajah 4
Frekuensi Penerbitan Setahun

Bil	Tajuk Jurnal	Frekuensi	Status
1	Journal of the Indian Archipelago and Eastern Asia	Tidak tetap	Ceased
2	Journal of Eastern Asia	Empat kali	Ceased
3	Journal of the Straits Branch of the Royal Asiatic Society (1878-1922) (bersambung sebagai Journal of the Malayan Branch of the Royal Asiatic Society (1923-1962) dan Journal of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society (1963 hingga sekarang)	Tidak tetap	Current
4	Perak Museum Notes (1893-1898) (bersambung sebagai Journal of the Federated Malay States Museums (1905-1941), Federation Museums Journal New Series (1953-1991) dan Malaysia Museums Journal (1997 hingga sekarang)	Tidak tetap	Current
5	Sarawak Musuem Journal	Satu kali	Current
6	Malayan Historical Journal, the Journal of the Malayan Historical Society 1954-1956 (bersambung sebagai Malaya in History (1957-1962) dan Malaysia in History (1963-1985)	Dua kali	Ceased
7	Journal of the Historical Society, University of Malaya (1960-1969/1970) (bertukar nama kepada Jernal Sejarah (1970-1978)	Satu kali	Ceased
8	Tanah Melayu dari segi Sejarah (1962-1964)(bersambung sebagai Malaysia dari segi Sejarah 1967 hingga sekarang)	Tidak tetap	Current
9	Kedah dari segi Sejarah=Kedah in History 1966-(bertukar nama kepada Cetera (1995 hingga sekarang)	Tidak tetap	Current
10	Peninjau Sejarah : Journal of the History Teachers' Association of Malaya	Dua kali	Ceased

KESIMPULAN

Penerbitan jurnal sejarah memang merupakan satu aktiviti yang amat penting yang tidak dapat dipisahkan dengan tradisi keserjanaan ilmu sejarah supaya dapat membentuk kesinambungan dalam memajukan disiplin sejarah. Justeru itu, semua pihak terutamanya para akademik, institusi-institusi pengajian tinggi, persatuan-persatuan profesional, pihak swasta malahan pihak kerajaan haruslah berusaha dan bekerjasama dengan lebih gigih lagi untuk meneruskan usaha penerbitan jurnal sejarah di Malaysia demi kepentingan bersama. Ini adalah kerana tanpa penerbit yang bersungguh-sungguh menerbitkan sesuatu jurnal ilmiah, keserjanaan sesuatu ilmu tidak akan dapat berkembang dengan lebih pesat lagi. Selain daripada itu, peranan para penyumbang yang gigih menghasilkan pelbagai rencana sejarah turut membolehkan wujudnya jurnal ilmiah dan memastikan kesinambungannya. Oleh itu, hanya dengan kerjasama erat dan padu daripada kedua-dua pihak penerbit dan penyumbang rencana maka tradisi penerbitan jurnal sejarah dapat berterusan sepanjang masa. Dengan itu, adalah tidak menghairankan di masa hadapan akibat kerjasama erat sedemikian, kemungkinan besar akan wujud sebuah jurnal sejarah elektronik yang tidak dapat dielakkan sejajar dengan perkembangan dunia penerbitan jurnal elektronik demi menyemarakkan lagi disiplin sejarah.

Akhirkata senario penerbitan jurnal sejarah selepas tahun 1966 semakin menggalakkan. Banyak jurnal sejarah tempatan telah berjaya diterbitkan oleh universiti-universiti tempatan serta cawangan-cawangan negeri Persatuan Sejarah Malaysia. Antara beberapa jurnal sejarah tersebut ialah *Jebat* (1972) keluaran Persatuan Sejarah Universiti Kebangsaan Malaysia yang kemudiannya diambilalih oleh Jabatan Sejarah Universiti Kebangsaan Malaysia, *Jernal Hubungan Antarabangsa=International Relation Journal*

(1973) yang diterbitkan oleh Kelab Hubungan Antarabangsa, Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, *Sabah dalam Sejarah* (1974) keluaran Persatuan Sejarah Malaysia, Cawangan Sabah dan *Jurnal Sejarah Melaka* (1976) terbitan Persatuan Sejarah Malaysia, Cawangan Melaka. Namun demikian, diharapkan jurnal-jurnal berkenaan dapat meneruskan dan mempertahankan penerbitan mereka demi meningkatkan keserjanaan sejarah di kalangan peminat-peminat sejarah tanahair dan mengembangkan tradisi keilmuan di Malaysia.

NOTAKAKI

1. Md. Sidin Ahmad Ishak (1997). "Penerbitan Jurnal Ilmiah Malaysia." dalam *Prosiding MAPIM 1*, edited by Md. Sidin Ahmad Ishak . Kuala Lumpur : University of Malaya Press, hlm 10.
2. Lim, Huck Tee, Edward. (1975). "Problems of Publishing Scholarly Journals in Malaysia" dalam *Scholarly Publishing in South-East Asia*, disunting oleh Beda Lim. Kuala Lumpur : Association of South-East Asian Institutions of Higher Learning : hlm 59.
3. Op. cit. Md. Sidin Ahmad Ishak, hlm 5.
4. Hasrom bin Harun (1997). "Penyatuan" jurnal ilmiah Malaysia, dalam *Prosiding MAPIMI*, diselenggarakan Md. Sidin Ahmad Ishak. Kuala Lumpur : Penerbit Universiti Malaya, hlm 100.
5. Cheeseman, H. R. (comp.). (1959). *Bibliography of Malaya*. British Association of Malaya : London, hlm 135.
6. Boehm, Eric. H. dan Adolphus, Lalit (1961). *Historical Periodicals : An Annotated World List of Historical and Related Serial publications*. Santa Barbara, California : Clio Press : hlm 555-557.
7. Harris, L. J. (comp.) (1967). *Guide to Current Malaysian Serials*. Kuala Lumpur : University of Malaya Library, hlm 57-58.
8. Untuk maklumat lanjut, sila baca Byrd, Cecil K. (1991). *Percetakan Awal di Jajahan Selat*. Terjemahan Mansor Ahmad Saman. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka : hlm 58-59. Rujuk juga Khoo Kay Kim (1986). "Historiography of Peninsular Malaysia: Past and Present" dalam *Malaysian Studies: Archaeology, Historiography, Geography and Bibliography* disunting oleh John A. Lent and Kent Mulliner, Occasional Paper No. 11. Michigan, USA : Northern Illinois University : hlm 89-90 dan Tiew, W. S. (1999). Some Scholarly English Periodicals in Pre-independent Malaysia : An Historical Overview, *Malaysian Journal of Library and Information Science*, Jilid. 4, no. 1: hlm 30 -31.
9. Op. cit. Cheeseman (1959), hlm 135 dan Tiew, W. S. (1999), hlm 31-32.
10. Cowan, C. D. (1961) "Ideas of History in the Journal of the Malayan (Straits) Branch of the Royal Asiatic Society, 1878-1941" dalam *Historians of South East Asia*. London : OUP : 279-285. Rujuk juga Khoo Kay Kim (1986) "Historiography of Peninsular Malaysia: Past and Present", hlm 91.
11. Namun demikian, untuk pertama kali, pada Jilid 73, Pt. 1, July 2000 satu rencana dalam Bahasa Melayu telah diterbitkan iaitu "Sekolah Menengah Melayu di Singapura 1959-1987" yang dituliskan Profesor Madya Dr. Kamsiah Abdullah.
12. Notice. (1906). *Journal of the Federated Malay States Museums* : hlm 1.
13. Notes: The Journal. (1954/55). *Federation Museums Journal, New Series*, 1 & 2: hlm 139.
14. Op. cit. Tiew, W. S. (1999), hlm 34.
15. Ibid. hlm 34.
16. Khoo Kay Kim (1986). Dari Kami, *Malaysia dari segi Sejarah*, Bil. 15 : hlm vii.
17. Ibid.
18. Khoo Kay Kim (1977). Prakata, *Jernal Sejarah*, Jilid XV : hlm iii-iv.

19. Sila rujuk Lampiran. (1977). Penunjuk Jurnal Sejarah, Persatuan Sejarah, Universiti Malaya, Dari Jilid 1 hingga Jilid XIII 1974/75, dalam *Jurnal Sejarah*, Jilid IV, 1976/1977 : hlm 47-55.
20. Khoo Kay Kim. (1975). Prakata, *Jurnal Sejarah*, Jilid XIII.
21. Zainal Abidin A. Wahid. (1966). Dari Meja Pengarang, *Peninjau Sejarah*, Vol. 1 (1) : hlm iii.
22. Walau bagaimanapun, sejak tahun 1964, frekuensi penerbitan *Journal of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society* ialah dua kali setahun.

RUJUKAN

- Boehm, Eric. H. dan Adolphus, Lalit (1961). *Historical Periodicals : An Annotated World List of Historical and Related Serial publications*. Santa Barbara, California : Clio Press : 555-557.
- Byrd, Cecil K. (1991). *Percetakan Awal di Jajahan Selat*. Terjemahan Mansor Ahmad Saman. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka : 58-59.
- Cheeseman, H. R. (comp.). (1959). *Bibliography of Malaya*. British Association of Malaya : London, 135.
- Cowan, C. D. (1961) "Ideas of History in the Journal of the Malayan (Straits) Branch of the Royal Asiatic Society, 1878-1941" dalam *Historians of South East Asia*. London : OUP : 279-285.
- Harris, L. J. (comp.) (1967). *Guide to Current Malaysian Serials*. Kuala Lumpur : University of Malaya Library.
- Hasrom bin Harun (1997). "Penyatuan" jurnal ilmiah Malaysia, dalam *Prosiding MAPIM I*, diselenggarakan Md. Sidin Ahmad Ishak. Kuala Lumpur : Penerbit Universiti Malaya, 95-102.
- Howe, G. F. and others (eds). (1961). *American Historical Association's Guide to Historical Literature*. New York: MacMillan : 328-329.
- Khoo, Kay Kim. (1975) Prakata, *Jurnal Sejarah*, Jilid XIII.
- _____. (1977) Prakata, *Jurnal Sejarah*, Jilid XV : iii-iv.
- _____. (1986). Dari Kami, *Malaysia dari segi Sejarah*, Bil. 15 : vii.
- _____ (1986). "Historiography of Peninsular Malaysia: Past and Present" dalam *Malaysian Studies: Archaeology, Historiography, Geography, and Bibliography* disunting oleh John A. Lent and Kent Mulliner, Occasional Paper No. 11. Michigan, USA : Northern Illinois University : 87-121.

- Lampiran. (1977). Penunjuk Jernal Sejarah, Persatuan Sejarah, Universiti Malaya, Dari Jilid 1 hingga Jilid XIII 1974/75, dalam *Jernal Sejarah*, Jilid IV, 1976/1977 : 47-55.
- Lim, Huck Tee, Edward. (1975). "Problems of Publishing Scholarly Journals in Malaysia" dalam *Scholarly Publishing in South-East Asia*, disunting oleh Beda Lim. Kuala Lumpur : Association of South-East Asian Institutions of Higher Learning : 57-69.
- Lim, Pui Huen. (1962). Current Malayan Serials, *Majallah Perpustakaan Singapura*, 2 (1): 10.
- Md. Sidin Ahmad Ishak (1997). "Penerbitan Jurnal Ilmiah Malaysia." dalam *Prosiding MAPIM 1*, edited by Md. Sidin Ahmad Ishak . Kuala Lumpur : University of Malaya Press, 1-26.
- Notes: The Journal. (1954/55). *Federation Museums Journal, New Series*, 1 & 2:139.
- Notice. (1906). *Journal of the Federated Malay States Museums* : 1.
- Sejarah Ringkas Persatuan Sejarah Malaysia. (1978). Dalam *Kemajuan dan Pembangunan di Malaysia* disunting oleh Mohd. Fadzil Othman. Kuala Lumpur : Persatuan Sejarah Malaysia, 10-11.
- Preface. (1875). *Journal of Eastern Asia*, 1 (1) :1-3.
- Preface. (1949). *Sarawak Museum Journal* , 5 (1) New Series (16) Old Series : 1-4.
- Sheppard, Mubin. (1988). *Sejarah Persatuan Sejarah Malaysia Kenangan Seorang Pengasas Persatuan*. Kuala Lumpur : Persatuan Sejarah Malaysia.
- Tiew, Wai Sin. (1998) History of Journal of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society (JMBRAS) 1878-1997 : An Overview, *Malaysian Journal of Library and Information Science*, Jilid. 4, no. 1: 43-60.
- Tiew, W. S. (1999) Some Scholarly English Periodicals in Pre-independent Malaysia : An Historical Overview, *Malaysian Journal of Library and Information Science*, Jilid. 4, no. 1: 27-40.
- Zainal Abidin A. Wahid. (1966). Dari Meja Pengarang, *Peninjau Sejarah*, Vol. 1 (1) : iii.